

**DRAF UCAPAN Y. BHG DATO' SRI ALI HAMSA,
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
SEMPENA PROGRAM BICARA MERDEKA DAN
SESI BERSAMA KSN,
PADA 14 OGOS 2012 DI PICC
'MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM: JANJI DI TEPATI'**

1. Bismillahir Rahmanir Rahim – Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihani.
2. Saya mulakan pertemuan kita kesekian kali ini dengan merafakkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT, yang dengan limpah kurniaNya, saya diamanahkan memimpin angkatan penjawat awam Malaysia, dan padaNya jua saya bersaksi adalah sebaik-baik tempat kembali bagi seluruh katabuat kita, selama dulu dan kini di bumi Malaysia tercinta ini.
3. Selawat dan salam kehadrat Junjungan Rasulullah, Muhammad S.A.W, suri tauladan dan contoh ikutan zaman berzaman, dalam segala bentuk dan perkara, malah sebagai insan yang menjadi sebaik-baik makhluk yang diperakukan Tuhan akan kemuliaan Baginda yang bersifat amanah, bijaksana, benar dan menyampaikan Risalah Tauhid, agama Islam yang suci dan menyucikan.
4. Saya juga ingin rakamkan penghargaan khas kepada Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri di atas undangan Ramadhan 1433H yang penuh barakah dan bermakna kepada saya dan sekalian hadirin pada hari ini 14 Ogos 2012 bersamaan 25 Ramadhan 1433H. Sempena

keberkatan Ramadhan kita berhimpun untuk memakmuri Majlis Ilmu penuh bermanfaat sebagai kelangsungan mendalami makna Kemerdekaan dan Merakyatkan Perkhidmatan Awam sesuai dengan 6 prinsip teras iaitu Cepat, Tepat, Integriti (atau kependekkannya CPI) dan Produktiviti, Kreativiti, Inovasi (atau PCI).

5. InsyaAllah dalam kesempatan ini, saya ingin berkongsi pandangan dan pengetahuan secara analitikal, kritikal dan pragmatis mudah-mudahan proses pelaksanaan Pelan Transformasi Nasional 2.0 dan Program Transformasi Perkhidmatan Awam yang saya namakan Merakyatkan Perkhidmatan Awam; Janji Di Tepati dapat difahami dan dihayati secara lebih berkesan dan tulus.
6. Sudah menjadi resam dan amalan harian, rakyat Malaysia untuk menjadikan budaya senyum sebagai sikap terpuji cerminan budaya kerja perkhidmatan awam khususnya. Inilah nilai integriti paling besar kepada setiap insan kerana sedekah jariah paling ringkas dan mudah, tanpa modal ialah sekuntum senyuman ikhlas dari hati yang suci.
7. Inilah juga hadiah kubra kemerdekaan tanahair. Tanggal 31 Ogos 1957 bukanlah sebuah perancangan mudah dan enteng. Sekalian namanya andai kita sebutkan hari ini tidak mampu dibayar ganti maskahwin diri mereka kerana membenarkan kita seramai 27.8 juta rakyat tersenyum riang menyambut Hari Lahir Negara Malaysia Merdeka pada 31 Ogos 2012 selama 55 tahun. Senyuman yang setiap penjawat awam dalam Dewan ini termasuk 1.25 juta sahabat

kita yang lain di luar ialah Lambang Amanah Integriti Insan Anak Malaysia Merdeka.

8. Justeru, apa usaha kita seterusnya? Apakah senyuman Integriti memadai untuk merakyatkan perkhidmatan awam dan menepati janji-janji perkhidmatan kita? Apakah piagam pelanggan setiap Kementerian dan Jabatan Persekutuan dan Negeri telah mengotakan janji-janji perkhidmatan dengan Cepat, Tepat dan Integriti dengan tahap kecekapan produktiviti, kreativiti dan inovasi yang diharapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Nombor Satu Negara dan rakyat jelata?

Saudara dan saudari sekalian,

9. Felo Terhormat Biro Tatanegara, Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud dalam bukunya, 'Pembangunan di Malaysia – Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna', telah menganjurkan 'bahawa kita menggantikan istilah pembangunan dengan pengislahan, yang memberi ma'na kebaikan dari semua segi, dalam semua jenis kegiatan manusia. Pengislahan berasal daripada perkataan Arab islah, yang bermaksud perbuatan ke atas seseorang atau sesuatu yang membuatnya baik, betul, teratur, adil, sesuai dengan segala nilai yang tinggi'. Beliau kemudiannya menggambarkan hasil pengislahan ini dalam grafik pohon 1Malaysia yang dijadikan teks wajib bagi penggerak dan pemikir Biro Tatanegara.

10. YAB Perdana Menteri telah menyebutkan dalam blog 1Malaysia sempena Nuzul Quran 1433Hijrah bahawa pendekatan pengislahan inilah yang menjadi asas kepada Program Transformasi Nasional dan amat instrumental dalam menukar landskap kehidupan rakyat daripada kehidupan berpendapatan rendah berasaskan pertanian kepada berpendapatan tinggi berasaskan perindustrian.
11. Oleh yang demikian, saya menyeru segenap lapisan Perkhidmatan Awam supaya benar-benar menjiwai ma'na pengislahan yang dimaksudkan oleh kedua-dua pemimpin Negara dan ilmuan kita. Pengalaman kerjaya saya tatkala dilantik untuk meneroka dan membangunkan bidang baru usahasama awam-swasta dalam masa terdekat ini adalah menjadi satu bukti testimoni akan keberkatan asas pengislahan yang diamalkan Kerajaan. Bukan sahaja kita meneliti aspek teknikal dan komersil sesuatu cadangan namun yang lebih utamanya aspek sosial dan impak akhir setiap program transformasi yang dilaksanakan. Kita wajib memahami semua dasar awam yang digubal dalam setiap dimensi dan ruang lingkup aplikasinya supaya penjawat awam boleh memandu dan memantau keberkesanan dasar-dasar berkenaan setiap masa yang berjadual. Saya difahamkan pihak Biro Tatanegara akan membuat satu penulisan komprehensif mengenai perkara ini sebagai menyambung usaha yang pernah saya lakukan ketika di Institut Tadbiran Awam Negara suatu ketika dahulu. Semoga dengan kefahaman yang mendalam, setiap warga Perkhidmatan Awam akan dapat memainkan peranan

sebagai pakar rujuk kepada program-program transformasi yang berasaskan ruh pengislahan yang suci.

12. Saya fikir Konsep Amalan Terbaik yang kita sama-sama pelajari daripada Strategi Laut Biru atau *Blue Ocean Strategy*, *Managing By Walk The Talk* “Pengurusan Berpaksi Buat Apa Yang Di Kata”, *Managing Performance with Integrity* “Pengurusan Prestasi Penuh Berintegriti” dan *Managing Success Through Successful Achievers* “Pengurusan Kejayaan Melalui Pengalaman Kejayaan Peneraju Unggul” serta banyak lagi pengetahuan ilmu pengurusan terbaik siap siaga untuk diguna sama dalam melancarkan amalan perkhidmatan awam Malaysia. Saya suka menambah bahawa semua maklumat pengetahuan hanya akan menjadi ilmu paling berguna kepada kita apabila kita melaksanakan perkhidmatan kita dengan penuh Amanah, Siddiq, Tabligh dan Fatanah. Inilah tanda kasih sayang dan taat setia kita kepada Negara Malaysia yang mendukung Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
13. Amanah atau *Trust* ialah paksi Integriti paling utama. Integriti kalau boleh saya berikan definisi sendiri iaitu nilai paling mulia setiap insan wajib hadir/ada dalam dirinya secara jasad dan roh. Insan berintegriti ialah manusia yang punya adab dan akhlak yang boleh diteladani dan dijadikan penawar kepada organisasi. Ahli pasukan berintegriti khasnya dalam perkhidmatan awam ialah kita hamba kepada pencipta yang yakin, taat dan setia bahawa setiap tindakan dan perbuatan kita akan dihitung di Medan Perhitungan Muktabar yang kita kenali sebagai Padang

Masyhar. Maka, saya menjemput sekalian yang ada untuk hayati dan faham berasaskan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Jalalah ayat 7 dan 8, mafhumnya “Barang Siapa yang melakukan kebajikan/kebaikan walau sebesar zarah akan dihitung amalnya. Barang siapa yang melakukan kejahatan/kemungkaran walau sebenar zarah akan dihitung amalnya.”

Hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Saya fikir langkah pertama saya hari ini ialah dengan mengingati diri saya, bahawa telah Allah pilih saya dari kalangan tuan-tuan untuk menjadi Ketua Setiausaha Negara yang perlu akur dan hayati sedalam-dalamnya, mafhum ayat tersebut. Justeru seperti yang telah disyarahkan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh sewaktu menjadi Raja Constantinople selepas menawan kota tersebut, seandainya pengurusan Negara ini lalai, yang cuai bukanlah rakyat tetapi para penguasa dan pegawai Negaranya, maka, andai kalian sanggup menerima hukuman api neraka, maka berbuatlah cuai, nescaya Allah tidak akan lupa kepada janji-janjinya.
15. Integriti seorang penjawat awam untuk taat setia kepada pemerintahan Negara, organisasi dan kepemimpinan eksekutif Negara amat penting dan mutlak. Mungkin dilema kita hari ini, penghayatan kepada makna kemerdekaan tidak dapat kita hayati sepenuhnya atau seperti datuk nenek moyang kita yang terdahulu. Hari ini, saya fikir lembaran sejarah Pejabat Setiausaha Negara amat penting untuk diteladani dan dicontohi. Sejak KSN pertama Allahyarham

Tun Dr. Haji Abdul Aziz Abdul Majid diikuti Tan Sri Dato Haji Abdul Jamil Abdul Rais sehinggalah Kekanda Tan Sri Sidek Hassan, semangat dan obor memastikan Nikmat Merdeka dan penghayatan mendalam tentang Amanah terus menerus disemarak tanpa mengenal erti penat, payah dan gagal. Saya yakin dan percaya semangat yang sama sedang dikongsi bersama oleh tuan-tuan dan puan-puan dengan seluruh jentera anggota perkhidmatan awam. Baik dianya seorang tukang kebun mahu hinggalah Ketua Setiausaha Negara (iaitu saya sendiri).

16. Rintisan perjuangan tanggal 14 Februari 1942 seperti yang terwarta dalam Sejarah Pahlawan Negara, Allahyarham Lt. Adnan Saidin di Bukit Candu juga pada peristiwa bertarikh 25 Februari 1942 iaitu pengorbanan 7 orang Pegawai Askar Melayu Di Raja diketuai oleh Lt. Abbas akibat dipancung oleh tentera Jepun. Peristiwa lebih malang ialah pengorbanan 19 orang anggota polis di Rumah Pasung Bukit Kepong pada 22 Februari 1950 akibat serangan jam 4.30 pagi oleh pasukan Parti Komunis Malaya Wilayah Selatan. Ketiga-tiga peristiwa ini merupakan sejarah getir, darah dan air mata yang dirasakan oleh seluruh kaum dan agama di tanahair ini. Apa yang penting kita perlu pelajari dan hayati ialah tingkatan darjah pengorbanan mereka, Integriti Insan yang tersemat dalam jiwa sanubari mereka, Moga Allah s.w.t. bentangkan syurga untuk mereka dan sahabat-sahabat yang mengikuti jejak keperwiraan memerdekakan Tanahair Malaysia ini, Al-Fatihah.

Hadirin sekalian,

17. Di awal pelantikan saya sebagai KSN, saya berpeluang berhadapan dengan penggiat dan pengamal teknologi iaitu Konferens Digital Kebangsaan pada 3 Julai 2012. Saya sempat merakam dan mengamati beberapa perkara penting yang wajar menjadi haluan dan fokus "*core business*" perkhidmatan awam. Saya suka namakan sebagai Agenda Digital Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Kini pelbagai inisiatif sedia ada sudah terbentang dan dikembangkan oleh Kementerian dan Agensi-agensi berkenaan. Saya ucapkan tahniah kerana usaha kita yang berterusan tanpa mengambil kira perbezaan fahaman siasah dan sebagainya. Bagi meluaskan lebih luas capaian kita dan akses rakyat kepada perkhidmatan awam baik di peringkat Kementerian dan Jabatan, saya mencadangkan sesuai dengan azam PCI (iaitu produktif, kreatif dan inovasi) maka semua Agensi bagi kecil atau besar mempunyai Laman Sosial Interaktif dengan awam. Segmen khususnya dapat menjadi platform digital sesuai dengan Agenda Pendigitalan Nasional. Secara tidak langsung, inisiatif ini mampu mempertingkatkan kadar keberkesanan penyampaian awam dan perkhidmatan tadbir urus yang baik.

18. Saya fikir dengan kepesatan maklumat yang terlalu pantas alamnya, maka, kita harus bertindak pantas, cekap, tuntas dan berintegriti. Saya mula berfikir, alangkah baiknya jika setiap insan penjawat awam mula berbicara kefahaman Sayang kepada Negara dan Sayang kepada Organisasi. Inilah resepi kejayaan yang ditunjukkan oleh Almarhum Tun

Haji Abdul Aziz dan Tan Sri Abdul Jamil. Era kegawatan sosial dan ekonomi semasa, kedua insan ini menjawat jawatan Ketua Setiausaha Negara mengingatkan saya kepada sebuah biografi bertajuk *'The Quintessential Man'* berkenaan Allahyarham Tun Azizan Zainul Abidin yang berkhidmat kepara 3 orang Perdana Menteri. Saya ingin sunting salah satu sikap terpuji Allahyarham Tun Azizan ialah menyimpan rahsia besar kerajaan. Inilah kualiti unggul yang mesti ditanam kepada setiap penjawat awam. Perkhidmatan awam khasnya kepada tuan-puan yang menduduki kerusi-kerusi kanan dalam jawatan, prinsip KERAHSIAAN amat mustahak. Inilah jiwa sayang kepada Negara yang mesti dipupuk dan disemarakkan.

19. Saya berpendapat sifat dan ciri Cepat, Tepat, Integriti yang perlu dimurnikan memerlukan kefahaman yang lebih mendalam soal Adab dan Akhlak kepada Negara dan organisasi. Suka saya berpesan dengan ikhlas tanpa prejudis kepada semua hadirin dan sahabat kerja perkhidmatan awam, bahawa, sebarang bentuk pencerobohan maklumat untuk disalurkan kepada pihak asing dan pihak yang merancang usaha subversif bakal menerima hukuman bersandarkan Artikel 149 perlembagaan persekutuan dan peraturan kerja perkhidmatan awam.
20. Sebagai ahli perkhidmatan awam yang berwibawa, saya suka menyarankan agar semua Kementerian dan Agensi menjadikan sasaran perkhidmatan antaranya program Corporate Social Responsibility "Kebertanggungjawaban Khidmat Sosial Korporat" kepada rakyat awam. Harus saya

bawa kesedaran kepada semua, bahawa 65% daripada rakyat masih berada di bawah paras tingkatan ekonomi masyarakat pertengahan, dan daripadanya 10% ialah kalangan rakyat miskin yang masih memerlukan sokongan dan dokongan perkhidmatan awam. Saya fikir, jika sikap kerjasama sektor awam-swasta boleh menjadi “mekanisme jambatan kasih” maka jadikanlah ia sebagai makanan roh Integriti kita iaitu Sedekah jariah berteraskan kekuatan akliah, jasmaniah dan material.

21. Saya berpandangan bahawa Pelan Tranformasi Negara 2.0 yang bakal dilaksanakan kelak, sebahagiannya menjurus kepada pengertian dan “eksesais” mendalam perihal Integriti dan kemerdekaan atau lebih mudah Merakyatkan Perkhidmatan Awam; Janji Di Tepati, iaitu tajuk syarahan ilmu saya pagi ini.

Hadirin yang dihargai

22. Saya berazam sebagai KSN yang baru untuk meneruskan segala servis bertaraf 5 bintang yang kita kecapai kini, tanpa rasa ragu berkenaannya. Saya juga berazam agar generasi perkhidmatan awam di bawah selia saya dapat bersama-sama menjadi Rakan Fikir yang Bijaksana “*Wise Thinking Partner*”. Demi agenda merakyatkan perkhidmatan awam, saya menjemput para pegawai perkhidmatan awam menjadi “*Thinker, Doer and Profesional Yet Wise Implemantor*” iaitu Pemikir, Pelaku Kerja, Pelaksana Profesional Penuh Hikmah dalam urusan perkhidmatan awam yang makin rencam dan mencabar. Pertimbangan dan budi bicara tinggi mesti

dipakai guna, bila mana wujud keperluan tertentu. Rakyat Malaysia masakini, bukan lagi, kalangan rakyat 25 tahun lalu. Kini, Rakyat Malaysia ialah kalangan masyarakat yang pantas dan cekap dalam proses analisa masalah dan isu. Rakyat Malaysia yang tidak bersandar kepada perkhidmatan awam lebih kritikal dan kritis, mereka memerlukan bimbingan bukan herdikan dan celaan para anggota dan pegawai perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, saya galakkan setiap Kementerian dan Jabatan mewujudkan Sudut Pandangan Awam "*Public Correspondent Corner*", supaya sesiapa jua individu boleh meletak komentar/pujian sebagainya di lokasi khas, di samping yang sama boleh dijadikan Model Pungutan Suara Integriti Rakyat oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia melalui keintiman perkhidmatan awam.

Sahabat kerja perkhidmatan awam,

23. Sesungguhnya kepemimpinan terdahulu bermula 1946 hingga rasminya kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957, telah bersetuju untuk memartabatkan Artikel 152 iaitu Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan, dan Artikel 153 iaitu Perezaban Kuota Bumiputera yang mana hak-hak Orang Melayu/Bumiputera dan kepentingan-kepentingan sah Kaum-kaum Lain dipelihara dan ditatang bersama oleh Raja Melayu. Ingin saya memperkukuhkan kedua-dua perjanjian tua ini, agar kita semua berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan martabat ilmu Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa perdagangan "magna carta" pilihan, bahasa persuratan tinggi dalam negara supaya semua rakyat faham pengertian sebenar Negara Bangsa Malaysia di samping memastikan Amanah

melunaskan kerja buat, Perkara 153 tidak dilaksana secara sambil lewa dan sembrono. Sejak diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru selepas berlakunya peristiwa hitam 13 Mei 1969, Negara semakin makmur dan subur. Perkongsiaan kekayaan tidak pernah menafikan hak-hak kaum dan perbezaan fahaman siasah. Hanya jika rakyat atau kita memilih untuk tidak berjaya, memilih untuk tidak berintegriti dalam melaksanakan Amanah, maka, penyelewengan tugas dan tanggungjawab sehingga tergadai sebuah Pentas Mulia Bangsa dan Negara Malaysia adalah tidak mustahil. Sukalah saya amati, bahawa tahun 2020 akan menjelang 7 tahun lagi. Tarikh 1 Januari 2020, sudah pasti. Yang belum mencipta kepastian kejayaan ialah kita, kiranya kita yang menjaga, melaksana, menunaikan Janji dan Amanah secara tidak cepat, tepat, integriti, produktif, kreatif dan inovasi, saya fikir mengikut hukum akal manusia, Kita tidak mencapai sasaran kemajuan impian Negara dan rakyatnya.

Wallahu'alam. Wassalamu'alaikum warah matullah.